

KKT&P: 100-4/16/(27)

01 Ogos 2005

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan
90007 SANDAKAN

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau
91007 TAWAU

Pegawai Kerja Kanan
Lembaga Bandaran Kudat
89058 KUDAT

SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL.2/2005 - PEMBAYARAN PEMBERIAN BANTUAN (GRANTS-IN-AID) DAN BANTUAN RANCANGAN SALURAN NAJIS

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan perluasan Pemberian Bantuan dan Bantuan Rancangan Saluran Najis kepada Majlis Perbandaraan Sandakan, Majlis Perbandaraan Tawau dan Lembaga Bandaran Kudat.

2. LATAR BELAKANG

Sebelum ini semua PBT kecuali Majlis Perbandaraan Sandakan, Majlis Perbandaraan Tawau dan Lembaga Bandaran Kudat layak dibayar Pemberian Bantuan dan Bantuan Rancangan Saluran Najis berdasarkan Surat Pekeliling Kementerian ini ruj. KKT&P. 604/1/17/IV/(252) bertarikh 11hb. Ogos 1987.

Berkuatkuasa dari Anggaran Perbekalan Tahun 2005 majlis-majlis tersebut adalah layak dibayar bantuan-bantuan ini dibawah Vot Perbelanjaan S39 1600 0002 (Pemberian Bantuan Pihak Berkuasa Tempatan) dan S39 1900 0002 (Bantuan Rancangan Saluran Najis Pihak Berkuasa Tempatan).

3. KAEDAH PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN

3.1 Pemberian Bantuan(Grant-In-Aid)

Pembayaran ini berkuatkuasa dari tuntutan bayaran berdasarkan **akaun tahunan 2004 yang telah diaudit** dan bayaran adalah berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan dalam **Surat Pekeliling Kementerian ini ruj. KKT&P.604/1/17/IV(252) bertarikh 11hb Ogos 1987** yang disertakan bersama-sama ini.

3.2 Bantuan Rancangan Saluran Najis

Pembayaran ini berkuatkuasa dari **tuntutan bayaran tahunan 2000** dan berdasarkan **bil yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya dan disahkan betul oleh Majlis.**

4. PENUTUP

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, sila berhubung dengan Akauntan Kanan, Cik Phak Shiu Len melalui no. telephon 088-256744.

Sekian, harap maklum.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH

[DATUK UJANG SULANI]
Setiausaha Tetap

PSL/ry